

**AGREEMENT FOR ENTRY
INTO NKF HAEMODIALYSIS PROGRAM
PERJANJIAN BAGI KEMASUKAN KE
PROGRAM HEMODIALISIS YBPKM**

THIS AGREEMENT is made the _____ day of _____, 20____ between the **NATIONAL KIDNEY FOUNDATION OF MALAYSIA**, having an address at 70, Jalan 14/29, 46100 Petaling Jaya, Selangor (hereinafter referred to as "NKF") of the one part AND

(NRIC No. _____) of _____

(hereinafter referred to as "the Patient") of the other part.

*PERJANJIAN INI dibuat pada haribulan _____, 20____ antara **YAYASAN BUAH PINGGANG KEBANGSAAN MALAYSIA**, beralamat No. 70, Jalan 14/29, 46100 Petaling Jaya, Selangor (selepas ini dirujuk sebagai "YBPKM") sebagai satu pihak DAN*

(No. KP: _____) beralamat _____ (selepas ini dirujuk sebagai "Pesakit") sebagai pihak yang lain.

WHEREAS/BAHAWASANYA :-

A. The NKF DIALYSIS CENTRE (hereinafter called "the Centre") at _____

_____ is a charitable Haemodialysis centre for the benefit of persons of limited means and income, inflicted with end-stage renal failure, requiring regular Haemodialysis treatment.

PUSAT DIALISIS YBPKM (kemudian ini disebut "Pusat") beralamat _____ merupakan sebuah pusat amal Hemodialisis untuk manfaat golongan yang mempunyai sumber dan pendapatan terhad yang menghidap kegagalan buah pinggang peringkat akhir, dan memerlukan rawatan Hemodialisis secara berkala.

B. The Patient who declares truthfully that he/she is of limited means and income who is inflicted with end-stage renal failure requiring regular Haemodialysis treatment duly referred to by a Doctor, applied to NKF and is accepted by the NKF Patient Selection and Welfare Committee to undergo dialysis under the Haemodialysis program at NKF.

Pesakit yang mengisytiharkan dengan jujur bahawa dia mempunyai sumber dan pendapatan terhad dan menghidap kegagalan buah pinggang peringkat akhir, memerlukan rawatan Hemodialisis secara berkala dan dirujuk dengan sewajarnya oleh seorang Doktor, memohon kepada YBPKM dan diterima oleh Jawatankuasa Pemilihan Pesakit dan Kebajikan YBPKM untuk menjalani dialisis di bawah program Hemodialisis di YBPKM.

NOW THIS AGREEMENT WITNESSETH as follows:
MAKA PERJANJIAN INI MEMPERSAKSIKAN seperti berikut:

1. In consideration of the several warranties and covenants given or undertaken to be performed by the Patient and his agreement to pay to NKF the prescribed fee stipulated under Clause 4 hereof towards the partial cost of the treatment, the NKF agrees to grant unto the Patient the revocable right to use the facilities at _____

_____ on the terms and conditions herein contained.

Dengan mengambil kira beberapa waranti dan perjanjian yang diberikan atau untuk dilaksanakan oleh Pesakit dan perjanjian untuk membayar kepada YBPKM bayaran yang ditetapkan di bawah Fasal 4 sebagai sebahagian kos rawatan, YBPKM bersetuju untuk memberikan kepada Pesakit hak yang boleh dibatalkan untuk menggunakan kemudahan di _____ mengikut terma dan syarat yang terkandung di sini.

2. The NKF reserves the right to transfer Patient to another NKF Centre when deemed necessary, at NKF's sole discretion.

YBPKM berhak untuk memindahkan Pesakit ke Pusat YBPKM yang lain apabila dianggap perlu, mengikut budi bicara YBPKM.

3. The Patient covenants and/or undertakes / *Pesakit mengaku janji akan:*

- a) to undergo 4 hours dialysis treatment 3 times a week on the allotted days and times as determined by the Centre Manager / Staff Nurse in-Charge at the Centre;
 - b) to follow strictly, the instructions of the Nurse on duty, especially with respect to the use and maintenance of the premises, machines, equipment and furnishing in or about the Centre;
 - c) not to extend his / her visit to the Centre beyond the allotted time as per the appointment schedule;
 - d) to use the facilities at the Centre with care and skill;
 - e) to pay for any repairs or replacement parts in respect of any damage of the dialysis machine or other equipment at the Centre caused by the Patient, whether willfully, as a result, or failure to exercise care and skill;
 - f) to declare a change of financial well-being above the minimum means criteria set by NKF for eligibility to be admitted and remain admitted into the Haemodialysis program.
- a) *menjalani rawatan dialisis selama 4 jam 3 kali seminggu pada waktu dan hari yang ditentukan oleh Pengurus Pusat / Jururawat yang Menjaga Pusat;*
 - b) *mengikuti dengan ketat, arahan Jururawat yang bertugas, terutama berkenaan dengan penggunaan dan penyelenggaraan premis, mesin, peralatan dan perabot di atau sekitar Pusat;*
 - c) *tidak melanjutkan masa beliau di Pusat melebihi masa yang diperuntukkan mengikut jadual yang ditetapkan;*

- d) menggunakan kemudahan di Pusat dengan sempurna;
- e) membayar apa-apa pembaikan atau alat ganti bagi apa-apa kerosakan mesin dialisis atau peralatan lain di Pusat yang disebabkan oleh pesakit, sama ada dengan sengaja atau akibat kegagalan untuk menggunakan dengan sempurna;
- f) untuk mengisytiharkan perubahan kedudukan kewangan yang melebihi kriteria minimum yang ditetapkan oleh YBPKM sebagai kelayakan untuk diterima masuk dan terus kekal dalam program Hemodialisis.

4. NKF will charge a patient treatment fee of RM90.00 per dialysis session payable by the patient weekly in advance on the first session of each week on admission into the Haemodialysis Program. This fee is subject to future revision which will be unilaterally decided by NKF at its sole discretion from time to time and will rise over time as operating cost increases and any such changes shall be notified to the patient accordingly.

YBPKM akan mengenakan bayaran rawatan pesakit sebanyak RM90.00 setiap kali dialisis yang perlu dibayar secara mingguan pada sesi pertama setiap minggu apabila diterima masuk ke dalam Program Hemodialisis. Yuran ini adalah tertakluk kepada semakan yang akan diputuskan oleh YBPKM mengikut budi bicara mutlaknyanya dari semasa ke semasa dan akan meningkat mengikut kenaikan kos operasi, dan sebarang perubahan akan diberitahu kepada pesakit dengan sewajarnya.

5. The patient may seek assistance from the Centre Manager / Staff Nurse In-Charge of the Dialysis Centre to apply for the government subsidy which as of the date of this Agreement stands at RM100.00 per dialysis session from the Ministry of Health. The approval of this government subsidy is entirely at the discretion of the Ministry of Health and is also subject to further revision from time to time by the Government, which will be notified to the patient accordingly.

Pesakit boleh mendapatkan bantuan daripada Pengurus Pusat/Jururawat yang Menjaga Pusat Dialisis untuk memohon subsidi kerajaan yang pada tarikh Perjanjian ini berjumlah RM100.00 bagi setiap sesi dialisis daripada Kementerian Kesihatan. Kelulusan subsidi kerajaan ini adalah atas budi bicara Kementerian Kesihatan sepenuhnya dan juga tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa, yang akan diberitahu kepada pesakit dengan sewajarnya.

6. The right to use the facilities at the Centre is personal to holder and for the Patient's sole benefit, and the Patient shall not substitute, allow or assign this benefit to others.

Hak untuk menggunakan kemudahan di Pusat adalah bersifat peribadi dan untuk faedah Pesakit seorang, dan Pesakit tidak boleh menggantikan, membenarkan atau memberikan manfaat ini kepada orang lain.

7. The Patient shall be reviewed by NKF Welfare Manager / Officer as and when necessary from time to time at the discretion of NKF with regard to his / her suitability to remain in the Haemodialysis program.

Pesakit akan dikaji semula oleh Pengurus/Pegawai Kebajikan YBPKM mengikut keperluan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara YBPKM dengan mengambil kira kesesuaian beliau untuk kekal dalam program Hemodialisis.

8. If the Patient shall fail to use the facilities on his scheduled day and time for three (3) consecutive occasions, the NKF reserves the right to terminate this Agreement forthwith without having to assign any reason.

Jika Pesakit gagal untuk menggunakan kemudahan pada hari dan masa yang telah dijadualkan baginya sebanyak tiga (3) kali berturut-turut, YBPKM berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta tanpa sebarang alasan.

9. The Patient who fails to inform the Centre Manager / Staff Nurse in-Charge (with valid reasons) for not being able to turn up for dialysis at least 3 hours before his scheduled treatment will be required to pay the full fees of RM100.00 (RM90.00 before approval of subsidy from MOH).

Pesakit yang tidak memaklumkan kepada Pengurus Pusat / Jururawat Yang Menjaga (dengan alasan-alasan yang munasabah) beliau tidak dapat hadir untuk dialisis sekurang-kurangnya 3 jam sebelum rawatan beliau yang telah dijadualkan akan diperlukan untuk membayar yuran penuh RM100.00 (RM90.00 sebelum kelulusan subsidi KKM).

10. NKF reserves the right to terminate this Agreement by giving immediate notice to the Patient without assigning any reason and the Patient hereby agrees not to claim any damages and/or compensation whatsoever against the NKF for any loss or damage suffered by the Patient pursuant to such termination.

YBPKM berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis serta-merta kepada Pesakit tanpa memberikan apa-apa sebab dan Pesakit bersetuju untuk tidak menuntut apa-apa ganti rugi dan/atau apa jua pampasan terhadap YBPKM bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pesakit akibat penamatan tersebut.

11. If the Patient intends to cease using the facilities at the Centre, he/she shall give NKF a written notice of his intention to do so at least thirty (30) days in advance.

Jika Pesakit berniat untuk berhenti menggunakan kemudahan di Pusat, dia hendaklah memberi YBPKM suatu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari lebih awal.

12. The Patient hereby agrees that the privilege and not an entitled right afforded to him / her in respect of the use of the facilities at the Centre is made on the basis that the NKF shall not be liable for any illness, injury, death, loss or damage whatsoever suffered by him / her and that he / she would not subject the NKF to any claim or compensation whatsoever.

Pesakit dengan ini bersetuju bahawa keistimewaan dan bukannya hak yang diberikan kepadanya berkenaan dengan menggunakan kemudahan di Pusat telah dibuat atas dasar bahawa YBPKM tidak bertanggungjawab bagi apa-apa penyakit, kecederaan, kematian, kerugian atau kerosakan yang dialami olehnya dan bahawa beliau tidak akan membuat apa-apa tuntutan atau pampasan daripada YBPKM sekalipun.

13. The Patient further agrees not to claim any damages and/or compensation whatsoever from NKF for any loss or damages suffered by the Patient pursuant to this Agreement and further agrees to indemnify NKF against any damages claims instituted by any third party against NKF in relation to the Patient's medical treatment at NKF.

Pesakit selanjutnya bersetuju untuk tidak menuntut apa-apa ganti rugi dan / atau pampasan daripada YBPKM bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pesakit mengikut Perjanjian ini dan juga bersetuju untuk melindungi YBPKM terhadap sebarang tuntutan ganti rugi oleh pihak ketiga terhadap YBPKM berhubung dengan rawatan perubatan seorang Pesakit di YBPKM.

14. No visitors are allowed into the Dialysis Centre without the consent of the Centre Manager / Staff Nurse In-Charge of the Centre.

Tiada pelawat dibenarkan ke dalam Pusat Dialisis tanpa kebenaran Pengurus Pusat / Jururawat yang Menjaga Pusat.

- 15.-The Patient hereby declares that he has read and understood the contents of the Privacy Notice of NKF displayed in the NKF website at www.nkf.org.my. and further confirms his consent and/or explicit consent for NKF to use his personal data and/or sensitive personal data for the purposes and the parties stated in the Privacy Notice.

Pesakit dengan ini mengaku bahawa beliau telah membaca dan memahami isi kandungan Notis Privasi NKF yang dipaparkan di laman web NKF di www.nkf.org.my. Beliau juga mengesahkan persetujuan dan/atau persetujuan eksplisit beliau untuk NKF menggunakan data peribadi dan/atau data peribadi sensitif beliau bagi tujuan dan pihak yang dinyatakan dalam Notis Privasi itu.

16. The witness to the Patient's signature shall not be the spouse, sibling, children, parents of the patient, staff of NKF, or NKF partner of the dialysis centre.

Suami atau isteri, adik-beradik, anak-anak, ibu bapa pesakit, kakitangan YBPKM, atau rakan kongsi pusat dialisis YBPKM tidak boleh menjadi saksi kepada tandatangan Pesakit.

17. In this Agreement whatever the context, words importing the male gender, will include the female and neuter gender.

Dalam Perjanjian ini, dalam apa jua konteks, perkataan yang merujuk kepada lelaki akan termasuk jantina perempuan dan neuter.

- 18. THE PATIENT'S HAEMODIALYSIS TREATMENT AT NKF DIALYSIS CENTRE MAY BE TERMINATED IF / RAWATAN HEMODIALISIS PESAKIT DI PUSAT DIALISIS YBPKM BOLEH DITAMATKAN SEKIRANYA:**

- a) He / She fails to turn up for 3 successive dialysis sessions within a month without valid reasons.
- b) His / Her condition has deteriorated and found medically not suitable to continue dialysis at NKF Dialysis Centre as recommended by the Nephrologist.
- c) He / She is uncooperative, behaves or acts in such a manner as to cause disruption/disturbance to other patients and affect the administration of the Centre.
- d) He / She suppresses or gives incorrect information.
- e) He / She is not willing to undergo 4 hours of dialysis treatment 3 times a week at NKF Dialysis Centre at the dates and times fixed by the Centre.

- f) He / She fails to comply with the terms and conditions for entry into the NKF Haemodialysis Program. **(A copy is attached – See Appendix 1)**
- g) The patient fails to declare or enjoys a change of financial well-being above the minimum means criteria set by NKF for eligibility to be admitted and remain admitted into the Haemodialysis program.
 - a) *Dia gagal menghadiri 3 sesi dialisis berturut-turut dalam satu bulan tanpa alasan yang munasabah.*
 - b) *Keadaan pesakit merosot dan tidak sesuai untuk meneruskan dialisis di PusatDialisisYBPKM seperti yang disyorkan oleh pakar Nefrologi.*
 - c) *Pesakit tidak bekerjasama, berkelakuan atau bertindak dengan cara yangmenyebabkangangguan kepada pesakit lain dan menjejaskan pentadbiran Pusat.*
 - d) *Dia menyembunyikan atau memberi maklumat yang tidak betul .*
 - e) *Dia tidak bersedia untuk menjalani rawatan dialisis selama 4 jam 3 kali seminggu di Pusat Dialisis YBPKM pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh Pusat .*
 - f) *Dia tidak mematuhi terma-terma dan syarat-syarat untuk kemasukan ke Program Hemodialisis YBPKM. (Satu salinan dilampirkan - Lihat Lampiran 1)*
 - g) *Pesakit gagal membuat pengisytiharan atau menikmati perubahan kewangan yang melebihi kriteria minimum yang ditetapkan oleh YBPKM untuk kelayakan diterima masuk dan kekal dalam program Hemodialisis.*

19. The following terms used in this Agreement have the meaning shown as follows:

Istilah yang digunakan dalam Perjanjian ini mempunyai maksud seperti berikut:

- a) **NKF Patient Selection and Welfare Committee** means: The Committee appointed by the Board of Directors of the NKF to select, implement and manage all aspects in relation to the Admission of Patients into the Haemodialysis Program and other welfare-related activities.
- b) **Treatment fee** means the fee charged by the NKF to cover the operational costs of the Centre.
- c) **Doctor** means a recognized physician or a nephrologist.
 - a) *Jawatankuasa Pemilihan dan Kebajikan Pesakit bermaksud: sebuah Jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga Pengarah YBPKM untuk memilih, melaksana dan menguruskan semua aspek berkaitan dengan Kemasukan Pesakit ke dalam Program Hemodialisis dan aktiviti kebajikan lain yang berkaitan.*
 - b) *Bayaran Rawatan bermaksud: bayaran yang dikenakan oleh YBPKM untuk menampung kos operasi Centre.*
 - c) *Doktor bermaksud: doktor yang diiktiraf atau pakar nefrologi.*

20. In the event of any discrepancy the English version shall prevail.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

IN WITNESS WHEREOF the parties have hereto set their respective hands the day and year first written above/ *DALAM MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan masing-masing pada hari dan tahun yang ditulis di atas.*

Signed by the above named Patient
Ditandatangani oleh Pesakit di atas
Name/*Nama*:

Signed by the Witness*
*Ditandatangani oleh Saksi**
Name/*Nama*:
NRIC/*No. K.P.*:

Signed for and on behalf of NKF/**
*Ditandatangani untuk dan bagi pihak YBPKM ***

(_____)

* *The spouse (husband or wife), siblings, children, parents of the patient, staff of NKF or NKF partner of the dialysis centre should not sign as a witness.*

* *Pasangan (suami atau isteri), adik-beradik, anak-anak, ibu bapa pesakit, kakitangan YBPKM atau rakan kongsi pusat dialisis YBPKM tidak boleh menandatangani sebagai saksi.*

*(Please attach a **photocopy I/C of the patient and witness** with this Agreement Form)*
(Sila sertakan salinan fotostat K/P pesakit dan saksi bersama-sama Borang Perjanjian ini).

** *This part is to be signed only by the management of NKF, excluding staff of the dialysis centres.*

** *Bahagian ini hanya ditandatangani oleh pihak pengurusan YBPKM, tidak termasuk kakitangan pusat-pusat dialisis.*

TERMS AND CONDITIONS FOR ADMISSION INTO NKF HAEMODIALYSIS PROGRAM
TERMA DAN SYARAT KEMASUKAN KE PROGRAM HEMODIALISIS YBPKM

- a. Applicant is a Malaysian citizen / *Pemohon adalah seorang warganegara Malaysia.*
- b. Applicant is 18 years and above / *Pemohon berusia 18 years ke atas.*
- c. Applicant is ambulant (able to move about independently) / *Pemohon boleh bergerak secara berdikari.*
- d. Applicant has suitable functional vascular access / *Pemohon mempunyai vascular access yang berfungsi.*
- e. Applicant has no other recourse to regular haemodialysis / *Pemohon tiada tempat lain untuk menjalani dialisis.*
- f. Applicant is prepared to appear before the Patient Selection and Welfare Committee of NKF prior to being considered for the program / *Pemohon bersedia untuk hadir di hadapan Jawatankuasa Pemilihan dan Kebajikan Pesakit YBPKM untuk dipertimbangkan kemasukan ke Program Hemodialisis.*
- g. Applicant must agree to a visit to his / her home by the Welfare Manager / Officer or an Officer nominated by the NKF with a view to verifying all information given / *Pemohon mesti bersetuju dilawati oleh Pengurus/Pegawai Kebajikan atau seorang yang dilantik oleh YBPKM untuk memastikan keterangannya adalah benar.*
- h. Applicant is prepared to pay treatment fee of RM90.00 per dialysis session on admission until the approval of government subsidy of RM100.00 per dialysis session is given by the Ministry of Health (MOH).
Pemohon bersetuju membayar RM90.00 bagi setiap sesi dialisis dari tarikh kemasukan sehingga mendapat kelulusan subsidi kerajaan sebanyak RM100.00 bagi setiap sesi dialisis yang diberi oleh Kementerian Kesihatan (KKM).
- i. Applicant is prepared to pay an advance of RM270.00 for a week's treatment payable on the first session of each week before approval of government subsidy of RM100.00 per dialysis is given / *Pemohon bersetuju membayar wang pendahuluan sebanyak RM270 bagi rawatan seminggu dan wang pendahuluan perlu dibayar pada hari dialisis pertama setiap minggu sebelum kelulusan subsidi kerajaan sebanyak RM100.00 bagi setiap kali dialisis diberikan.*
- j. Applicant may seek assistance from the Centre Manager / Staff Nurse In-Charge of the Dialysis Centre to apply for the government subsidy of RM100.00 from Ministry Of Health / *Pemohon boleh meminta bantuan daripada Pengurus/Jururawat yang Menjaga Pusat Dialisis untuk memohon subsidi kerajaan sebanyak RM100.00 daripada KKM.*
- k. Applicant is prepared to pay treatment fee as stated above. This fee is subject to change by the NKF as and when it deems necessary. This amount is payable prior to treatment / *Pemohon bersetuju membayar yuran rawatan seperti yang tersebut di atas. Kadar bayaran ini adalah tertakluk kepada perubahan oleh YBPKM jika dan apabila perlu. Bayaran ini hendaklah dibayar sebelum rawatan.*

- l. Applicant who fails to obtain the subsidy approval from MOH will have to pay RM90.00 per dialysis while his appeal is referred to MOH for reconsideration. If the appeal to MOH is rejected, the case will be referred to the Patient Selection and Welfare Committee of NKF for its final decision to allow the patient to continue dialysis or terminate his dialysis treatment in NKF / *Pemohon yang gagal mendapat kelulusan KKM perlu membayar RM90.00 bagi setiap kali dialisis sementara menunggu keputusan rayuan daripada KKM. Sekiranya rayuan ditolak, pemohon akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pemilihan dan Kebajikan Pesakit untuk pertimbangan dan keputusan muktamad sama ada membenarkan pesakit meneruskan dialisis atau menghentikan pesakit daripada dialisis di YBPKM.*
- m. The selected patient must be willing to undergo 4 hours dialysis treatment 3 times a week at NKF Dialysis Centre at the dates and times fixed by the Centre / *Pemohon yang diluluskan kemasukan hendaklah bersetuju menjalani rawatan dialisis selama 4 jam setiap kali 3 kali seminggu di pusat dialisis YBPKM pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh Pusat Dialisis.*
- n. The patient shall be reviewed by NKF Welfare Manager / Officer as and when necessary at the discretion of NKF with regard to his / her suitability to continue the haemodialysis program by regular payment of his / her dialysis fees / *Pesakit akan dikaji semula oleh Pengurus/Pegawai Kebajikan YBPKM apabila perlu mengikut budi bicara YBPKM berkenaan dengan kesesuaiannya untuk meneruskan rawatan program hemodialisis dengan bayaran tetap yuran rawatan dialisis.*
- o. No visitors are allowed into the Dialysis Centre without the consent of the Centre Manager / Staff Nurse In-Charge of the Centre / *Pelawat tidak dibenarkan memasuki Pusat Dialisis tanpa kebenaran Pengurus/Jururawat Yang Menjaga Pusat Dialisis tersebut.*
- p. The patient must be willing to sign a contract with the NKF before commencing the dialysis program / *Pesakit hendaklah bersetuju menandatangani perjanjian dengan YBPKM sebelum menjalani rawatan dialisis.*
- q. The patient must be willing to give his consent and/or explicit consent for NKF to use his personal data and/or sensitive personal data for the purposes and the parties stated in the Privacy Notice of NKF which is displayed in the NKF website at www.nkf.org.my. / *Pesakit hendaklah bersetuju memberi persetujuan dan/atau persetujuan eksplisit beliau untuk NKF menggunakan data peribadi dan/atau data peribadi sensitif beliau bagi tujuan dan pihak yang dinyatakan dalam Notis Privasi NKF yang dipaparkan di laman web NKF di www.nkf.org.my.*
- r. The witness to the patient's signature should not be the spouse, siblings, children and parents of the patient, and staff and partners of NKF / *Seorang yang menyaksikan tandatangan pesakit tidak boleh terdiri daripada suami atau isteri, adik-beradik, anak-anak dan ibu bapa pesakit serta kakitangan dan rakan kongsi YBPKM.*